

Kes 1MDB

Pendakwaan tutup kes

Semua 50 saksi
selesai beri
keterangan dalam
tempoh 6 tahun
perbicaraan
bekas PM

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali
ajohari@bh.com.my

Kuala Lumpur: Selepas prosiding selama 235 hari dalam tempoh enam tahun, pihak pendakwaan dalam kes penyelewengan dana syarikat pelaburan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dihadapi Datuk Seri Najib Razak, menutup kes semalam.

Timbalan Pendakwa Raya, Ahmad Akram Gharib memaklumkan pihak pendakwaan menutup kes selepas semua 50 saksi selesai memberikan keterangan semalam.

"Oleh kerana tiada lagi saksi yang perlu dipanggil (memberi keterangan), dan tiada lagi saksi yang perlu disoal balas, jadi saya ingin menutup kes pendakwaan.

"Selepas 235 hari perbicaraan dalam tempoh enam tahun dan 50 saksi pendakwaan sudah dipanggil, pihak pendakwaan ingin menawarkan 49 saksi kepada pembelaan," katanya.

Najib didakwa di Mahkamah Sesyen pada 20 September 2018 di Mahkamah Sesyen dan kes itu dibenar dipindahkan ke Mahkamah Tinggi pada 31 Oktober 2018, manakala perbicaraan bermula pada 28 Ogos 2019.

Antara saksi penting yang di-

panggil memberikan keterangan, termasuk bekas Pengerusi 1MDB, Tan Sri Mohd Bakke Salleh; bekas Ketua Pegawai Eksekutif 1MDB, Datuk Shahrol Azral Ibrahim Halmi; bekas Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz dan bekas peguam syarikat itu, Jasmine Loo Ai Swan.

Hakim Datuk Collin Lawrence Sequerah kemudian mengarahkan kedua-dua memfailkan hujahan bertulis pada 26 Julai dan hujahan balasan masing-masing pada 9 Ogos depan.

Beliau turut menetapkan tarikh hujahan lisan pada 19 hingga 22 Ogos depan.

Najib, 70, menghadapi empat pertuduhan menggunakan kedudukannya untuk memperoleh suapan berjumlah RM2.3 bilion dalam dana 1MDB dan 21 pertuduhan pengubahan wang haram membabitkan jumlah wang yang sama.

Bekas Ahli Parlimen Pekan itu didakwa melakukan perbuatan itu di Cawangan AmIslamic Bank Berhad, Jalan Raja Chulan, Bukit Ceylon di sini di antara 24 Februari 2011 dengan 19 Disember 2014 manakala bagi semua pertuduhan pengubahan haram di antara 22 Mac 2013 dengan 30 Ogos 2013, di tempat sama.

Beliau didakwa mengikut Seksyen 23 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan boleh dihukum mengikut Seksyen 24 (1) akta sama.

Bekas menteri kewangan itu berdepan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan denda sehingga lima kali jumlah atau nilai suapan atau RM10,000, yang mana lebih tinggi, jika didapati bersalah.

Bagi 21 pertuduhan penguba-



Najib dibawa ke Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, semalam.

(Foto saifullizan Tamadi/BH)

han wang haram, Najib didakwa melakukan kesalahan itu di bank sama, di antara 22 Mac 2013 dan 30 Ogos 2013.

Semua pertuduhan mengikut Seksyen 4 (1)(a) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan (AMLATFA), yang memperuntukkan denda maksimum RM5 juta dan penjara sehingga lima tahun atau kedua-duanya sekali, jika disabitkan kesalahan.

Dana halang lompat parti

Sementara itu, pada perbicaraan sesi pagi mahkamah diberitahu, Najib mendakwa menyimpan sejumlah wang dikatakan derma Arab Saudi sebagai pelan luar jangka untuk menghalang Ahli Parlimen melompat parti seperti yang berlaku pada 16 September 2008.

Perkara itu dinyatakan Najib ketika memberi keterangan kepada SPRM pada 2018 dan kenyataan berkenaan dibacakan Pegawai Penyiasat, Penguasa Kanan SPRM, Nur Aida Arifin ketika diperiksa semula oleh Timbalan Pendakwa Raya Ahmad Akram Gharib.

Melalui kenyataan dibacakan Nur Aida, Najib berkata, wang

terbabit iaitu sebahagian daripada AS\$681 juta dipulangkan semula sekitar penghujung 2013, tetapi tidak secara terus kepada kerajaan Arab Saudi, sebaliknya dipulangkan menerusi syarikat Tanore Finance Corp yang didakwa dimiliki oleh kerajaan negara Asia Barat itu.

Kenyataan itu turut menyatakan, Najib berkata beliau terpaksa bersedia daripada segi kewangan walaupun tidak bersetuju dengan amalan berkenaan kerana takut pihak pembangkang mencuba sekali lagi membeli wakil rakyat.

Namun, apabila tiada sebarang gerakan berlaku, Najib berkata beliau berasakan perlu dipulangkan semula kepada pihak yang memasukkan dana berkenaan ke akaunnya, iaitu Tanore selaku pihak yang dilantik oleh Arab Saudi.

Melalui keterangan saksi pendakwaan di mahkamah sebelum ini, Tanore Finance dikatakan adalah syarikat dikawal sekutu ahli perniagaan dalam buruan, Low Taek Jho atau Jho Low, iaitu Eric Tan Kim Loong.

Pada 16 September 2008, iaitu ketika Najib memegang jawatan Timbalan Perdana Menteri, Ke-

tua Umum PKR ketika itu, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang juga Ketua Pembangkang mendakwa lebih 31 Ahli Parlimen BN kononnya akan menyertai Pakatan Rakyat (PR).

Melalui kenyataannya, Najib juga berkata, semua urusan untuk pemulangan semula termasuk dokumentasi, struktur dan proses kewangan adalah di bawah kawalan dan pengetahuan bekas Ketua Setiausaha Sulitnya, Allahyarham Datuk Azlin Alias; bekas Ketua Pegawai Eksekutif 1MDB, Nik Faisal Ariff Kamil dan pihak bank.

Najib turut berkata, beliau mengarahkan mereka untuk menguruskan perkara itu dan memberikan sepenuhnya mandat untuk memulangkan kepada pihak yang dilantik oleh Arab Saudi iaitu Tanore dan struktur pembayaran pemulangan semula adalah di luar pengetahuannya.

Jelasnya, beliau memulangkan semula duit itu kerana tiada keperluan lagi untuk pilihan raya dan sebarang perbelanjaan luar jangka dan dikhuatiri jumlah yang besar disimpan dalam akaunnya boleh mengundang pelbagai persepsi sekiranya bocor.